



GARIS PANDUAN BIASISWA PELAJAR IPTA DALAM NEGARA

DASAR AGIHAN BIASISWA PELAJAR IPTA DALAM NEGARA

1. Lembaga Zakat Negeri Kedah menawarkan Biasiswa Pendidikan bagi **peringkat Ijazah Sarjana Muda** di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Malaysia
2. Biasiswa ini merupakan **tajaan penuh sepanjang pengajian** kepada mahasiswa/mahasiswi yang berkelayakkan mengikut syarat dan jumlah kuota ditetapkan.
3. Tawaran ini hanya diberikan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda **sepanjang masa di IPTA Tempatan** dan bukan pelajar yang melakukan twinning programme iaitu program pertukaran pelajar ke Luar Negara semasa sesi pengajian.
4. Skim ini adalah dibawah asnaf **ASNAF FISABILILLAH** dimana sumber kewangan adalah **HASIL KUTIPAN ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN** dan diagihkan kepada **8 GOLONGAN ASNAF** yang layak.
5. Pelajar yang layak selepas proses saringan diperingkat LZNK akan ditemuduga.

KADAR TAJAAN

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	JUMLAH TAJAAN (semester)	JUMLAH TAJAAN (setahun)
1	Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa)	RM 3,750.00	RM 7,500.00

KUOTA TAWARAN BIASISWA

30 Orang Pelajar Tahun 1 sesi kemasukan tahun 2021/22

SYARAT PERMOHONAN BIASISWA LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (IPTA DALAM NEGARA) SESI 2021/2022


SYARAT UMUM

1. Pemohon mestilah beragama Islam.
2. Pemohon sedang bermastautin / menetap di Negeri Kedah sekurang-kurangnya dua (2) Tahun
3. Keutamaan diberikan kepada asnaf fakir dan miskin
4. Semua bidang pengajian bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja

SYARAT KHUSUS

1. Pemohon merupakan pelajar **tahun pertama** bagi sesi pengajian 2021/2022.
2. Pemohon mestilah berumur **tidak melebihi 25 tahun** ketika permohonan dilakukan.
3. Memperolehi Purata Gred Keseluruhan (PNGK) sekurang-kurangnya **3.00** bagi peringkat Diploma/Matrikulasi/Asasi/A-Level atau pangkat sekurang-kurangnya **Jayyid Jiddan** bagi STAM.

PROSES PERMOHONAN BIASISWA LZNK



*tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa

PROSES SEMAKAN BIASISWA LZNK

Status permohonan boleh disemak melalui portal Biasiswa LZNK ;
<http://biasiswa.zakatkedah.com.my/>

SENARAI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

BIL	NAMA UNIVERSITI	BIL	NAMA UNIVERSITI
1	Universiti Malaya (UM)	11	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
2	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	12	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
3	Universiti Sains Malaysia (USM)	13	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
4	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	14	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	15	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
6	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	16	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
7	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	17	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
8	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	18	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
9	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	19	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	20	Universiti Utara Malaysia (UUM)

MANUAL PENGGUNA
PERMOHONAN BIASISWA PENDIDIKAN LZNK
MELALUI PORTAL BIASISWA LZNK
(<http://biasiswa.zakatkedah.com.my/>)

PANDUAN MENGISI PERMOHONAN.


- 1) Pemohon adalah melalui Portal Biasiswa LZK di <http://biasiswa.zakatkedah.com.my/>
- 2) Pemohon WAJIB mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan seperti berikut:
 - a. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
 - b. Gambar pemohon berukuran passport
 - c. Salinan Kad Pengenalan Ibu/Bapa atau Penjaga
 - d. Salinan Penyata Gaji / Pencen / Pengesahan Pendapatan
 - e. Salinan Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran semua ahli keluarga dibawah tanggungan Ibubapa
 - f. Salinan kelulusan pengajian (PT3/ SPM/ Sijil/ Diploma/ Ijazah)
 - g. Salinan Surat Tawaran atau Pengesahan Pengajian daripada IPT
- 3) Permohonan tidak akan diproses sekiranya dokumen yang dilampirkan tidak jelas atau tidak muat naik (upload) pada setiap ruangan yang diminta.
- 4) Permohonan diuruskan oleh Ibu Pejabat melalui Bahagian Pendidikan, Lembaga Zakat Negeri Kedah
- 5) Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Bahagian Pendidikan
Lembaga Zakat Negeri Kedah Telefon
Telefon : 047331740 / 013-4592071
Email : pendidikan@zakatkedah.com.my

LANGKAH 1

Layari Portal Biasiswa :

<http://biasiswa.zakatkedah.com.my/>



The screenshot shows the login interface for the ZAKAT KEDAH PORTAL BIASISWA. At the top is the Zakat Kedah logo, a green emblem with Arabic calligraphy and the text 'ZAKAT KEDAH'. Below the logo, the title 'PORTAL BIASISWA' is displayed in bold black letters. The main content area has a green background with white text and input fields. It prompts the user to 'Sila masukkan id Pengguna dan Kata Laluan'. There are two input fields: 'Id Pengguna (No. K/P tanpa sengkang ^-^)' with a person icon, and 'Kata Laluan' with a lock icon. A 'Log Masuk' button is positioned below the fields. At the bottom, there is a link: 'Tiada akaun? Sila daftar di sini.'

LANGKAH 2

Daftar akaun dengan memasukkan maklumat berikut :

No K/Pengenalan

Alamat E-Mel

Kata laluan



The screenshot shows the registration interface for the ZAKAT KEDAH PORTAL BIASISWA. It features the same Zakat Kedah logo and title 'PORTAL BIASISWA' as the login page. Below the title, the subtitle 'Pendaftaran Akaun' is displayed. The main content area has a green background with white text and input fields. It prompts the user to 'Sila isi maklumat No. Kad Pengenalan, Alamat E-Mel dan Kata Laluan anda'. There are three input fields: 'No. Kad Pengenalan (dengan sengkang ^-^)' with a person icon, 'Alamat E-mel (untuk notifikasi maklumat)' with an envelope icon, and 'Kata Laluan' with a lock icon. A 'Daftar Sekarang' button is positioned below the fields. At the bottom, there is a link: 'Sudah Berdaftar? Sila Log Masuk di sini.'

LANGKAH 3

Log Masuk
ID Pengguna
Kata Laluan

LANGKAH 4

Isi Profil maklumat permohonan serta muatnaik semua dokumen-dokumen berkaitan.

Maklumat Peribadi
Maklumat IPT
Maklumat Waris
Maklumat Keluarga
Maklumat Kelulusan
Sejarah Tajaan

LANGKAH 5

HANTAR PERMOHONAN

Pilih biasiswa yang dipohon dan Klik pada butang **Pohon**

PORTAL BIASISWA

PERMOHONAN

IKLAN BIASISWA

CONTOH

TAWARAN BIASISWA PENDIDIKAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (IPTA) 2019
Tarikh Tutup: 31 Dis 2019
Telah Dipohon

TAWARAN BIASISWA PENDIDIKAN PENUH UNISHAMS BAGI SESI 2019
Tarikh Tutup: 2 Mei 2019
Pohon

PROFIL PEMOHON
HANTAR PERMOHONAN
STATUS PERMOHONAN

2- BACA IKLAN PERMOHONAN

- Klik pada butang **HANTAR PERMOHONAN**

** Sila pastikan anda telah mengisi semua maklumat yang berkaitan SEBELUM menghantar permohonan.
* Sila pilih (tanda) akuan pengesahan maklumat anda.

Saya mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Sekiranya maklumat itu didapati palsu, saya boleh didakwa dan permohonan saya akan dibatalkan. Sekiranya saya diberi tawaran biasiswa ini atau telah pun menerima bantuan biasiswa, maka maklumat palsu itu akan menjadi bukti dan alasan untuk membatalkan tawaran biasiswa ini atau menamatkan bantuan biasiswa kepada saya dengan serta-merta.

HANTAR PERMOHONAN

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG WAJIB DILAMPIRKAN :

BIL	DOKUMEN	KETERANGAN / ARAHAN
Maklumat Peribadi		
1	Salinan Kad Pengenalan Pemohon	<i>K/Pengenalan yang jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
2	Gambar Pemohon (Ukuran Passport)	<i>Gambar yang jelas</i>
Maklumat Waris		
3	Lampiran Kad Pengenalan Bapa / Ibu / Penjaga 1	<i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
4	Lampiran Penyata Gaji / Pencen / Pengesahan Pendapatan	<i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
5	Lampiran Kad Pengenalan Ibu / Penjaga 2	<i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
6	Lampiran Penyata Gaji / Pencen / Pengesahan Pendapatan	<i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
Maklumat Keluarga		
7	Lampiran K.P. / Sijil Kelahiran	<i>Butir-butir Tanggungan Oleh Ibu/Bapa/Penjaga/Suami/Isteri Pemohon - Termasuk Pemohon</i> <i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
Maklumat Kelulusan		
8	Lampiran Kelulusan	<i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>
Maklumat IPT		
9	Lampiran Surat Tawaran / Pengesahan Pengajian daripada IPT	<i>Jelas dan semua maklumat penting boleh dibaca</i>

*Permohonan yang tidak lengkap dan tidak jelas akan ditolak !